

22/02/2003

NUTP sokong Pendidikan Islam diajar lepas sekolah

KUALA LUMPUR: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyokong

penuh cadangan kerajaan melaksanakan pengajaran subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah.

Setiausaha Agung NUTP, Datuk Siva Subramaniam, berkata pengajaran Pendidikan Islam dalam sesi berasingan itu akan membolehkan pelajar mendapat pendidikan Islam yang sepenuhnya.

"Keputusan kerajaan untuk mengkaji pelaksanaannya akan menjadikan pembelajaran Pendidikan Islam lebih sistematik dan selaras dengan ciri-ciri yang baik dan membawa kepada perubahan jiwa rakyat.

"Objektif mengemas kini kurikulum Pendidikan Islam juga bukan bersifat politik, sebaliknya ia adalah untuk memberikan ajaran Islam yang tulen kepada pelajar," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa kerajaan sedang mengkaji melaksanakan pembelajaran subjek Pendidikan Islam pada sesi berasingan selepas waktu sekolah apabila menyemak semula kurikulum sekolah kebangsaan.

Siva berkata, cadangan itu juga tidak akan membebankan guru Pendidikan Islam kerana sekolah boleh merangka jadual waktu yang sesuai dengan guru berkenaan, seperti membenarkan guru yang mengajar Pendidikan Islam datang lewat berbanding guru yang mengajar subjek lain.

"NUTP juga melihat ia sebagai satu cara untuk meningkatkan kefahaman antara pelajar berlainan bangsa kerana pelajar Islam tidak lagi diasingkan daripada kelas (sewaktu sesi pelajaran biasa) seperti sekarang.

"Pada masa yang sama, pelajar bukan Islam boleh mempelajari bahasa ibunda masing-masing sewaktu sesi berasingan berkenaan," katanya.